Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

SJK Cina, Tamil perlu tingkat usaha bantu murid fasih bahasa Melayu, pupuk perpaduan

November 24, 2023 @ 7:56am



- Foto hiasan

Minda Pengarang

Terima dengan terbuka dan berlapang dada keputusan Mahkamah Rayuan yang memutuskan penubuhan sekolah vernakular dan menggunakan bahasa Mandarin dan Tamil sebagai bahasa pengantar adalah sah dengan Perlembagaan.

Dengan keputusan itu, seluruh rakyat perlu menerima hakikat dan takdir sejarah yang sistem pendidikan negara memberi tempat sewajarnya kepada sekolah vernakular untuk wujud serta beroperasi.

Sekolah vernakular tidak pernah wujud di negara lain seperti Indonesia, Jepun, Korea Selatan, China dan Eropah kerana mereka mengamalkan prinsip asimilasi. Namun, Malaysia mengamalkan integrasi, iaitu kekuatan setiap kaum dipertahankan, termasuk bahasa.

Keputusan Mahkamah Rayuan itu juga bukan tanda kemenangan kepada kaum Cina dan India serta dan tidak menjadi kekalahan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pejuang bahasa Melayu.

Masyarakat Cina dan India di Malaysia seharusnya berasa bertuah kerana diberi peluang mempelajari dan menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar di sekolah jenis kebangsaan (SJK).

Cuma, jika timbul dakwaan sekolah vernakular gagal memupuk perpaduan sejati dan jitu rakyat disebabkan faktor bahasa pengantarnya bukan bahasa Melayu, maka isu ini perlu diberi penekanan Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) untuk diatasi.

Sudah lebih 60 tahun Malaysia merdeka, tetapi jika masih ada Bangsa Malaysia tidak mampu bertutur bahasa Melayu dengan fasih sehingga dikatakan punca melebarnya jurang perpaduan antara kaum disebabkan kewujudan sekolah vernakular, maka perlu ada strategi lestari untuk menanganinya.

Sewajarnya, SJK Cina (SJKC) atau SJK Tamil (SJKT) perlu dipertanggungjawab untuk meningkatkan program pembelajaran bahasa Melayu dengan panduan daripada KPM dan KPN kerana ia adalah teras perpaduan masyarakat di negara ini.

Kegagalan murid lepasan SJKC dan SJKT bertutur dalam bahasa Melayu dengan fasih mungkin menjadi satu isyarat yang sistem pendidikan di SJK tidak mampu membangunkan silibus dapat memperkasakan murid Cina dan India menguasai bahasa Melayu.

Justeru, pentadbir dan guru di SJK perlu mengambil langkah drastik bagaimana hendak meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid kerana ia bukan sekadar bahasa kebangsaan yang mampu menyatukan pelbagai kaum, tetapi kunci perpaduan antara kaum serta melambangkan jiwa Bangsa Malaysia.

Apa yang penting, mengharmonikan isu Bangsa Malaysia tidak fasih berbahasa Melayu serta masalah jurang perpaduan antara kaum longgar tidak harus dijadikan isu politik untuk meraih laba parti tertentu. Sebaliknya, pemimpin parti dan komuniti bersama pentadbir SJK untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah terbabit.